

(i)

ENAKMEN FATWA NEGERI SABAH 2004

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa
2. Tafsiran
3. Kecualian prerogatif

BAHAGIAN II

PELANTIKAN DAN FUNGSI MUFTI, KUASA
MAJLIS FATWA NEGERI DAN FATWA
YANG BERHUBUNG DENGAN KEPENTINGAN NASIONAL

4. Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti
5. Fungsi Mufti
6. Majlis Fatwa Negeri
7. Kuasa Majlis Fatwa Negeri untuk menyediakan fatwa
8. Tatacara pembuatan fatwa
9. Fatwa yang disiarkan dalam *Warta* adalah mengikat
10. Pindaan, ubahsuai atau pembatalan fatwa
11. Fatwa yang ada hubungan dengan kepentingan nasional
12. Menerima pakai nasihat dan syor Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan
13. Meminta pendapat daripada Majlis Fatwa Negeri
14. *Qaul muktamad* yang hendak diikuti
15. Perlindungan Mufti dan ahli-ahli Majlis Fatwa Negeri

BAHAGIAN III

AM

16. Kaedah-kaedah



NEGERI SABAH

Saya memperkenankan,

LS

TUN DATUK SERI PANGLIMA HAJI AHMADSHAH BIN ABDULLAH,
Yang di-Pertua Negeri.

30 OGOS 2004.

No. 7 Tahun 2004

Suatu Enakmen bagi membuat peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan organisasi fatwa, pelantikan Mufti dan Majlis Fatwa Negeri dan perkara-perkara lain yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Sabah seperti berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan mula berkuat kuasa

1. (1) Enakmen ini boleh dinamakan Enakmen Fatwa 2004.
(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. (1) Dalam Enakmen ini melainkan jika konteksnya menghendaki mana yang lain -

“Enakmen terdahulu” ertinya Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1992;

“Hukum Syarak” ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Syafie atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki, atau Hanbali;

“Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan” ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja di bawah peraturan 11 Peraturan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam, Malaysia;

“Majlis” ertinya Majlis Ugama Islam Negeri Sabah yang ditubuhkan di bawah seksyen 4(1) Enakmen Majlis Ugama Islam Negeri Sabah 2004;

“Majlis Fatwa Negeri” ertinya Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 6;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pentadbiran hal ehwal agama Islam bagi Negeri Sabah;

“Mufti” ertinya orang yang dilantik menjadi Mufti Kerajaan bagi Negeri Sabah di bawah seksyen 4(1) dan termasuk Timbalan Mufti Kerajaan yang dilantik di bawah seksyen 4(2);

“Negeri” ertinya Negeri Sabah.

Kecualian prerogatif

3. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dengan nyata dalam Enakmen ini, tiada apa-apa jua yang terkandung di dalam Enakmen ini yang boleh melemahkan, atau menyentuh hak-hak dan kuasa-kuasa prerogatif Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam bagi Negeri Sabah sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan dalam Perlembagaan Negeri Sabah.

BAHAGIAN II

PELANTIKAN MUFTI DAN FUNGSI MUFTI,
KUASA MAJLIS FATWA NEGERI DAN FATWA
YANG BERHUBUNG DENGAN KEPENTINGAN NASIONAL

Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti

4. (1) Yang di-Pertua Negeri, atas syor Majlis, dengan persetujuan Menteri, boleh melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Mufti Kerajaan bagi Negeri.

(2) Yang di-Pertua Negeri, atas syor Majlis, selepas berunding dengan Mufti, boleh melantik mana-mana orang yang layak dan sesuai menjadi Timbalan Mufti Kerajaan bagi Negeri.

(3) Seseorang layak dilantik di bawah subseksyen (1) dan (2) jika dia –

(a) seorang warganegara;

(b) seorang yang arif tentang Hukum Syarak; dan

(c) seorang yang mempunyai pengetahuan tentang Undang-undang Islam yang berkuat kuasa di Negeri.

(4) Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

(5) Apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa, orang yang menjadi Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri sebelum sahaja Enakmen ini mula berkuat kuasa hendaklah disifatkan telah dilantik di bawah seksyen ini sebagai Mufti dan Timbalan Mufti bagi Negeri dan hendaklah terus memegang jawatan itu.

Fungsi Mufti

5. Mufti hendaklah membantu dan menasihati Yang di-Pertua Negeri berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di Negeri selepas Yang di-Pertuan Agong dan Yang di-Pertua Negeri, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini atau mana-mana Enakmen lain yang berkuat kuasa di dalam Negeri.

Majlis Fatwa Negeri

6. (1) Maka hendaklah ada suatu Jawatankuasa bernama 'Majlis Fatwa Negeri.'

(2) Majlis Fatwa Negeri hendaklah terdiri daripada –

- (a) Mufti, sebagai Pengerusi;
- (b) Timbalan Mufti;
- (c) dua orang anggota Majlis yang dinamakan oleh Majlis;
- (d) tidak kurang daripada tiga orang dan tidak lebih daripada tujuh orang yang layak dan sesuai atas nasihat Mufti dan dilantik oleh Majlis; dan
- (e) Seorang pegawai dari Pejabat Mufti yang dilantik oleh Majlis, sebagai Setiausaha.

(3) Mana-mana orang yang, sebelum sahaja Enakmen ini mula berkuat kuasa, menjadi anggota Majlis Fatwa Negeri yang ditubuhkan di bawah Enakmen terdahulu hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (4), disifatkan telah dinamakan atau dilantik menjadi anggota Majlis Fatwa Negeri dan hendaklah, menjadi ahli Majlis Fatwa Negeri sehingga tempoh pelantikannya tamat di bawah Enakmen terdahulu.

(4) Subseksyen (3) tidak terpakai bagi mana-mana orang, kecuali Mufti dan Timbalan Mufti, yang menjadi anggota Majlis Fatwa Negeri yang disebut dalam subseksyen (3) atas nama jawatan.

(5) Majlis Fatwa Negeri boleh, tertakluk kepada Enakmen ini, memutuskan segala persoalan berhubungan dengan tatacara dan amalannya.

(6) Maka hendaklah dibayar kepada Ahli-ahli Majlis Fatwa Negeri sebagai yang ditentukan oleh Menteri, elaun daripada Kumpulan Wang Majlis sebagaimana diluluskan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

(7) Pelantikan ahli Majlis Fatwa Negeri di bawah subseksyen (2) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.

